



JABATAN BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM, KEDAH DARUL AMAN

SENARAI SEMAK PELAN BANGUNAN CADANGAN BARU

Permohonan hendaklah mematuhi keperluan permohonan sebagaimana senarai di bawah iaitu:-

A) Urusan permohonan kelulusan pelan bangunan dibuat melalui:-

"Orang yang berkeelayakan" - Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar sahaja.

"Orang utama yang mengemukakan" - (Principal Submitting Person - PSP) adalah orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan PBT. Ia termasuk orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab sebagai PSP.

"Orang yang mengemukakan" (Submitting Person - SP) adalah orang yang berkeelayakan dan mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawabnya yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan kepada PBT atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan.

B) KEPERLUAN SURAT DAN DOKUMEN PERMOHONAN - BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN PELAN KELULUSAN BANGUNAN (MPKK.OSC.PB)

C) KEPERLUAN FORMAT LUKISANUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- i) Format lukisan perlu disediakan di bahagian kanan kertas pada setiap salinan pelan.
- ii) Disediakan ruang kosong dipenjuru atas format lukisan pada setiap pelan berukuran 100mm (lebar)x250mm (panjang) untuk ruangan cop kelulusan majlis.
- iii) Pelan yang dikemukakan minimum bersaiz A1 dan dilipat saiz A4 dengan ruang kosong disebelah penjuru format lukisan sebelah atas . (A0 pelan bagi projek berskala besar)
- iv) Tajuk cadangan projek hendaklah dicatitkan kegunaan/jenis bangunan, bilangan unit bangunan, bilangan tingkat bangunan, No. rumah/Lot PT, nama jalan, poskod, bandar, negeri dan nama pemilik/tetuan bangunan.
- v) Tajuk lukisan perlu sama dengan lukisan yang dikemukakan.
- vi) Nama pemilik bangunan/tuan tanah (seperti yang dicatitkan dalam S&P/surat hakmilik tanah), tandatangan asal dan alamat.
- vii) Perakuan dan cop pengesahan sebagaimana yang di perakukan oleh Lembaga/Board dan dicatitkan serta disahkan pada setiap pelan perakuan berikut:

“ Saya memperakui bahawa perincian-perincian dalam pelan-pelan ini adalah menurut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan saya setuju terima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya.”

.....
**Orang yang berkeelayakan
(tandatangan, nama, alamat, nombor pendaftaran dan kelas)**

- viii) Nama, alamat, tandatangan, nombor pendaftaran dan cop rasmi Arkitek/Jurutera.
- ix) Tajuk permohonan mestilah sama pada kesemua pelan-pelan Jabatan Teknikal (sila rujuk Jabatan Bangunan/Urusetia OSC untuk pengesahan tajuk cadangan.
- x) Pelan-pelan pengemukakan hendaklah diwarnakan dengan jelas, lengkap dan kemas.

D) LUKISAN-LUKISAN YANG PERLU DIKEMUKAKANUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT**D1) Pelan Kunci**

- i) Menunjukkan tapak cadangan dalam bentuk peta daerah
- ii) Tapak cadangan diwarnakan merah
- iii) Arah Utara dan kiblat
- iv) Nyatakan skala bersesuaian

D2) Pelan LokasiUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- i) Arah Utara dan kiblat
- ii) Menunjukkan arah dari jalan utama ke tapak cadangan.
- iii) Nama-nama taman, jalan dan bangunan bersebelahan berhampiran dicatitkan dengan jelas.
- iv) Nombor Lot/Plot/PT tapak cadangan dan tapak bersebelahan
- v) Tapak cadangan berwarna merah

D3) Pelan TapakUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- i) Arah Utara dan kiblat
- ii) Skala tidak kurang daripada 1 = 1000 dan bersesuaian
- iii) Nama-nama jalan berhampiran/masuk ketapak
- iv) Ukuran Lot sebagaimana Pelan Survey/Geran Tanah dan keluasan lot.
- v) Nyatakan dan tunjukkan garisan 'dotted line' merah serta ukuran anjakan bangunan ke garisan sempadan (hadapan, belakang, sisi kanan dan sisi kiri) yang dibenarkan mengikut plot title perumahan, industri, komersial, institusi dan lain-lain.
- vi) Jenis bangunan di letakkan jadual petunjuk dan diwarnakan mengikut perbezaan sepertimana pelan cadangan.
- vii) Nyatakan ukuran dan spesifikasi lebar pintu masuk utama, lebar jalan/lorong belakang /tepi dan jalan sediaada (existing).
- viii) Tanda keluar/masuk dicatatkan pada laluan.
- ix) Nyatakan dalam pelan longkang beserta sump dan m.s grating/pc slab cover.
- x) Arah saluran air longkang dari bangunan ke longkang sediaada diwarnakan biru air.
- xi) Arah aliran air kumbahan dari manhole diwarnakan merah dan Manhole dicatatkan nombor bilangannya.
- xii) Nyatakan simbol pagar dan jenis pintu pagar yang digunakan.
- xiii) Tunjukkan kedudukan garisan kontor yang sediaada dan baru (jika ada/terlibat terutama kawasan tanah tinggi@berisiko)
- xiv) Longkang mesti bertutup/underground ditunjukkan didalam pelan.

D3) Pelan TapakUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

xv) Ruang pejalan kaki ditunjukkan didalam pelan.

xvi) Menunjukkan pelan lantai

xvii) Bilangan Koata Bumi dan bukan bumi yang telah diluluskan dalam Kelulusan Kebenaran Merancang. (Jika Ada)

xviii) Pelan perlu diwarnakan dengan lengkap.

D4) PELAN LANTAIUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

i) Skala 1:100

ii) Lengkap diwarnakan dan nyatakan spesifikasi bahan binaan.

iii) 'Dotted line' merah untuk garisan sempadan lot.

iv) Aras tanah, jalan dan lantai bangunan – Finished Level

v) Jarak bangunan dan garisan anjakan bangunan (building set back) dari sempadan depan, sisi dan belakang yang dibenarkan.

vi) Dinyatakan no bilangan pada setiap 'manhole'.

vii) Unjuran bumbung (roof eave) maksima 3 kaki dari anjakan bangunan

viii) Sediakan jadual yang menyatakan ukuran/saiz, jenis bahan dan kegunaan 'pintu' dan 'tingkap'. Sila nyatakan

ix) Sediakan jadual pencahayaan dan pengudaraan.

x) Sediakan jadual kegunaan, keluasan dan kemas bilik/ruang

xi) Dinyatakan ukuran-ukuran bilik/ruang

xii) Dinyatakan spesifikasi dinding

xiii) Garisan keratan bangunan memanjang dan menegak

xiv) Ukuran tangga – jejak (255mm min) dan anak tangga (180mm mak)

xv) Perakuan Jurutera perincian tembok penahan (jika Ada)

xvi) Arah aliran air longkang bangunan ke sistem peparitan perkhidmatan sehingga titik akhir buangan.

xvii) Pelan perlu diwarnakan dengan lengkap.

D5) PELAN PANDANGAN HADAPAN, BELAKANG DAN TEPIUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- | | |
|---|----------------------|
| i) Jarak bangunan ke sempadan | <input type="text"/> |
| ii) Ketinggian bangunan dari aras tanah ke lantai dan ke bumbung (hujung bumbung yang tinggi) | <input type="text"/> |
| iii) Ukuran tangga – jejak (255mm min) dan anak tangga (180mm mak) dan ketinggian railing (900mm min) Di catitkan bilangan anak tangga serta kecerunan. | <input type="text"/> |
| iv) Nyatakan simbol pada tingkap/pintu/telaga udara pada pelan sebagaimana jadual pintu dan tingkap. | <input type="text"/> |
| v) Nyatakan spesifikasi bumbung. | <input type="text"/> |
| vi) Palong (gutter) ditunjukkan dan diwajibkan menyediakan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) dan ditunjukkan di atas pelan serta kemukakan diagram yang berkaitan dengan sistem yang dicadangkan. (Keutamaan bagi Banglo, Semi-D, Institusi, Komersial, Industri dimana luas bumbung sama atau melebihi 100m ² shj) rujuk garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. | <input type="text"/> |
| vii) Menggalakkan menyediakan “Konsep Bangunan Mesra Alam” (Green Building dan Energy Efficiency”) seperti penggunaan kemasan mampan, kelengkapan penjimatan air, cahaya dan pengudaraan semulajadi, fungsi peredaran udara, menggunakan lampu-lampu jenis jimat tenaga elektrik, ‘Fast flow symphonic Rain Water Down Pipe System’, menggunakan cermin tingkap jenis rendah ‘E-value’, pancur air dengan sistem tutup automatik, pengepam tandas dua kapasiti curahan (penuh dan separuh), ‘Building Automation System (BAS)’ DLL. | <input type="text"/> |
| viii) Menyediakan dan memasang peralatan serta kelengkapan ‘Orang Kurang Upaya’ (OKU) mengikut undang- undang kecil OKU bagi fasiliti-fasiliti seperti ramp, tandas, lif (vertical access), tangga, tempat letak kenderaan, laluan khas, papan tanda (signage) bagi bangunan yang perlu/terlibat (Keutamaan Institusi, Komersial dan Industri). | <input type="text"/> |
| ix) Nyatakan jarak bangunan ke cerun/tanah tinggi (jika ada) | <input type="text"/> |
| x) Pelan perlu diwarnakan dengan lengkap. | <input type="text"/> |

D6) LUKISAN KERATAN MEMBUJUR DAN MELINTANG.UNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- | | |
|--|----------------------|
| i) Ketinggian ruang dalaman, siling dan bumbung bangunan dari aras tanah ke lantai serta ke bumbung (hujung bumbung yang tinggi) | <input type="text"/> |
| ii) Spesifikasi dinding (jenis dan tebal) | <input type="text"/> |
| iii) Spesifikasi bumbung (jenis dan tebal) | <input type="text"/> |
| iv) Nyatakan spesifikasi 'roof construction' beserta bahan penebat haba dan jenis siling yang dicadangkan | <input type="text"/> |
| v) Nyatakan spesifikasi "floor construction" beserta dengan lapisan kalis lembap dengan lengkap. | <input type="text"/> |
| vi) Ukuran tangga dan spesifikasi. | <input type="text"/> |
| vii) Sediakan tembok penahan (jika melibatkan perbezaan aras tanah melebihi 3 meter dan jika kurang nyatakan langkah-langkah penstabilan cerun). | <input type="text"/> |
| viii) Nyatakan kemasamaan dinding dan ketinggiannya (dapur, pantry, bilik air, ablution) | <input type="text"/> |
| ix) Nyatakan spesifikasi bumbung. | <input type="text"/> |
| x) Pemasangan palong 'gutter' | <input type="text"/> |
| xi) Tunjukkan kedudukan tangki air dalam bumbung bangunan. | <input type="text"/> |
| xii) Spesifikasi asas bangunan yang dicadangkan. | <input type="text"/> |
| xiii) Pelan perlu diwarnakan dengan lengkap. | <input type="text"/> |

D7) LUKISAN BUMBUNGUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- | | |
|---|----------------------|
| i) Kedudukan dan spesifikasi tangki air hendaklah ditunjukkan. | <input type="text"/> |
| ii) Nyatakan kecerunan bumbung dan dinding pemisah (kehendak bomba) serta spesifikasi binaan. | <input type="text"/> |
| iii) Nyatakan kedudukan paip pengudaraan (vent pipe) dan paip turun air hujan (rain water down pipe) serta arah aliran air hujan. | <input type="text"/> |
| iv) Menyediakan palong 'gutter' pada setiap bumbung dimana luas bumbung sama atau melebihi 100m ² . | <input type="text"/> |
| v) Pelan perlu diwarnakan dengan lengkap. | <input type="text"/> |

D8) LUKISAN PAGARUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- i) Spesifikasi binaan pagar yang dicadangkan beserta dengan ukuran.

E) GAMBAR TAPAK PROJEKUNTUK
KEGUNAAN
PEJABAT

- i) Gambar tapak projek terkini (2 salinan)

F) KIRAAN 'BAYARAN PROSES PELAN' LENGKAP DAN DIPERAKUKAN OLEH PERUNDING.JUMLAH : RM
(KEGUNAAN PERUNDING)JUMLAH : RM
(KEGUNAAN PEJABAT)

NO. RESIT BAYARAN :

G) UNTUK DIISI OLEH PERUNDING

"Dengan ini saya memperakui bahawa pelan-pelan yang saya kemukakan adalah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam senarai semakan Pelan Bangunan Cadangan Baru di atas".

Tandatangan Perunding :

Nama :

Cop Rasmi :

Tarikh :

No Fail/rujukan tuan :

NOTA :-

- 1) Majlis berhak untuk menolak permohonan tuan sekiranya di dapati syarat-syarat di atas tidak dipatuhi. Sebarang pengecualian hendaklah dimohon terlebih dahulu dari Jabatan Bangunan dan surat kebenaran pengecualian dari Majlis hendaklah disertakan bersama-sama dokumen permohonan.
- 2) Kerja-kerja pembinaan tidak boleh dimulakan sebelum pelan-pelan cadangan diluluskan oleh Majlis. Sekiranya pihak tuan gagal untuk mematahui perkara tersebut, denda boleh dikenakan sebanyak mak. 20 kali gandaan yuran proses pelan mengikut Undang-undang Seragam 1984 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).